

Headline	<b>UPM, Jobmarket jalin kerjasama latih siswazah</b>
Date	<b>06. Jun 2008</b>
Media Title	<b>Berita Harian</b>
Section	<b>Pendidikan</b>
Circulation	<b>217920</b>
Readership	<b>2083000</b>
Language	<b>MALAY</b>
Page No	<b>31</b>
Article Size	<b>180 cm<sup>2</sup></b>
Frequency	<b>Daily</b>
Color	<b>Full Color</b>



# UPM, Jobmarket jalin kerjasama latih siswazah

**U**NIVERSITI Putra Malaysia (UPM) bekerjasama dengan agensi pekerjaan, Jobmarket Malaysia Sdn Bhd (Jobmarket) bagi melaksanakan program penempatan latihan industri pelajarannya.

Kerjasama itu dicapai menerusi pemeteraan memorandum persefahaman (MoU) antara kedua-dua pihak yang membolehkan pelajar universiti itu mendapat tempat dalam program latihan industri kendalian Jobmarket.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah, berkata melalui program itu, pelajaranya akan ditempatkan di pelbagai syarikat dan industri bagi mendekahkan mereka pengalaman bekerja secara praktikal, mengikut keperluan kursus keutamaan masing-masing.

Pada masa sama, pihak fakultijuga dapat memantau keberkesanannya latihan industri yang dijalankan serta pelajar yang berdaftar tetapi belum mendapat tempat secara on-line," katanya pada majlis MoU berkenaan di Serdang, baru-baru ini.

UPM diwakili Nik Mustapha, manakala Jobmarket oleh Pengurusinya, Prof Datuk Abu Bakar Abdul Hamid.

Sementara itu, Abu Bakar berkata, program itu juga membolehkan pelajar berupaya mengenal potensi, kelemahan dan cara mengatasi sebarang permasalahan berkaitan kerjaya.

Malah, katanya, pelajar dapat membuat persediaan sebelum bekerja selepas mendapatkan ijazah, selain mengenal pasti majikan berpotensi untuk mereka.

"Pelajar hanya perlu membayar se-

kali saja bayaran pendaftaran sebanyak RM12 dengan keahlian sepanjang hayat dan mereka boleh menggunakan laman web Jobmarket tanpa had," katanya.

Dalam perkembangan lain, seramai 19 pakar pertanian UPM akan menyertai Hari Terbuka Bersama Pakar Pertanian UPM yang akan diadakan di Jeli, Kelantan, Ahad ini.

Pengarah projek, Prof Dr Musa Abu Hassan, berkata pakar terhabit di kalangan pensyarah dan penyelidik antaranya dalam bidang mineralogi tanah, toksikologi serangga, pemakanan haiwan, fisiologi tumbuhan dan akuakultur atau pemakanan ikan.

"Program itu membuka peluang kumpulan sasar mengemukakan masalah kepada pakar UPM yang akan menjadikannya sebagai tumpuan penyelidikan," katanya.

*Pelajar juga dapat menggunakan perkhidmatan Jobmarket melalui bengkel pembinaan karier yang disediakan Jobmarket sebagai persediaan mendapatkan pekerjaan"*

Prof Dr Nik Mustapha R Abdullah  
Naib Canselor UPM